PROGRAM FELO SABAH MAJU JAYA (SMJ)
KOHORT 2 TAHUN 2023



Pelaksanaan Program Felo Sabah Maju Jaya (SMJ) memasuki edisi kedua penganjuran pada tahun 2023. Program ini memberi pendedahan kepada para peserta terlibat untuk mempelajari pengurusan urus tadbir jabatan mahupun agensi berkaitan.

PEMASANGAN SISTEM TEKNOLOGI OMEGA DI PUSAT AKUATIK KOTA KINABALU



Pusat akuatik Kota Kinabalu pada tahun 2023 telah dilengkapi dengan sistem teknologi Omega. Sistem ini terdiri daripada pad sentuh, blok permulaan dan sistem papan skor baharu. Pemasangan sistem ini berupaya meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan sukan renang selain meningkatkan prestasi atlet negeri Sabah.

KEJOHANAN SUKAN SABAH (SAGA) BAGI EDISI KE-10 TAHUN 2023



Sebanyak 10 acara sukan wajib akan dipertandingkan pada kejohanan Sukan Sabah (SAGA) bagi edisi ke-10 pada tahun 2023. Pada edisi penganjuran kali ini, daerah Kota Kinabalu akan menjadi hos penganjur dimana penganjuran sebelum ini terpaksa ditangguhkan pada 2021 ekoran penularan wabak COVID-19. Selain acara sukan wajib, 13 lagi acara sukan pilihan turut dipertandingkan pada kejohanan yang telah dilangsungkan selama seminggu bermula 16-22 Disember 2023. Antara sukan wajib yang dipertandingkan adalah badminton; bola sepak; boling padang; berbasikal; hoki; karate; memanah; olahraga; pencak silat dan sepak takraw. Selain itu, 13 acara pilihan lain adalah angkat berat; bola jaring; bola keranjang; bola tampar; golf; muay thai; ping pong; pétanque; ragbi; tenis; tinu; wushu dan e-Sport.



MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT:

KESEJAHTERAAN RAKYAT

RUMAH MESRA SMJ





Pelaksanaan Rumah Mesra SMJ Daerah Tamparuli, N.14 TamparuliDi Kg. Tambalugu



Majlis Penyerahan Rumah Mesra SMJ di Daerah Beluran

Inisiatif Rumah Mesra SMJ ini merupakan inisiatif utama Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini bagi Program Pembasmian Kemiskinan di Negeri Sabah. Kaedah pelaksanaan Rumah Mesra SMJ ini adalah secara Industrialised Building System (IBS) dan melibatkan dua (2) jenis rumah iaitu bertiang dan tidak bertiang. Melalui Mesyuarat Kabinet Sabah yang lalu telah menetapkan pada tahun 2024, pembinaan Rumah Mesra SMJ boleh dijalankan melalui dua kaedah iaitu secara Industrialised Building System (IBS), ataupun secara Konvensional. Sehingga 2024, sebanyak 1586 buah Rumah Mesra SMJ yang telah siap dibina di semua 73 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

RUMAH SEJAHTERA RAKYAT SABAH (RSRS)




Menyediakan Rumah Sejahtera Rakyat Sabah (RSRS) kepada golongan miskin tegar bermula tahun 2021-2025.

i.Sasaran Inisiatif: Peruntukan sebanyak 20 Rumah Setiap Tahun

ii.Pencapaian bagi tahun 2023:
Peruntukan sebanyak 41 buah rumah telah disediakan pada tahun 2023 dan kesemuanya telah siap dilaksanakan. Ianya telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan pada tahun 2023 dengan pencapaian sebanyak 205 %

KURSUS KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN





Kursus Lanjutan Batik Teknik Retak Seribu (Cracks) Yang Telah Diadakan Di Pusat Kemahiran Masysarakat (CLC) Sipitang



Kursus Asas Jahitan Baju Kemeja Di Tenom

Memberikan kursus kemahiran keusahawanan kepada 225 orang peserta pada setiap tahun melalui pengendalian kursus dalam program pembangunan ekonomi luar bandar bermula tahun 2021.

i.Sasaran Inisiatif: 225 orang peserta pada setiap tahun

ii.Pencapaian bagi tahun 2023:
Sebanyak 455 orang peserta telah diberikan kursus kemahiran keusahawanan sepanjang tahun 2023 dan ianya telah melebihi sasaran dengan pencapaian sebanyak 202%.

PROGRAM HOMEWARD



Program Homeward yang juga merupakan inisiatif Flagship telah diteruskan pada tahun 2023. Sejak tahun 2021, program ini telah dijalankan bertujuan untuk membantu warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang tidak mampu memiliki peralatan seperti kerusi roda dan katil boleh laras (Hi Lo). Setakat Disember 2023, seramai **317 orang** telah menerima bantuan tersebut. Pihak JPKA juga telah menerima sumbangan katil Hi Lo daripada pihak Latter Day Saint dan Yayasan Petronas.

BANTUAN BAKUL MAKANAN KEPADA KELUARGA B40 DAN KE BAWAH

(PROGRAM PRIHATIN KPMKR, PROGRAM MAKMUR SEJAHTERA, KEKURANGAN ZAT MAKANAN & PROGRAM GROWING HEALTHY)

PROGRAM PRIHATIN KPMKR

10 daerah **500** ketua Isi Rumah

Penyerahan bantuan bakul makanan kepada golongan rentan dan keluarga yang berpendapatan rendah iaitu golongan B40 dan ke bawah bagi membantu meringankan beban mereka. Antara pihak yang terlibat adalah Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat serta Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Daerah.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima dari daerah Sipitang.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima dari daerah Tawau.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima dari daerah Kota Belud.

PROGRAM MAKMUR SEJAHTERA

10 daerah **500** ketua Isi Rumah

Penyerahanbantuan bakul makanan kepada golongan rentan dan keluarga yang berpendapatan rendah iaitu golongan B40 ke bawah bagi membantu meringankan mereka. Antara daerah terlibat adalah Tuaran, Telupid, Sook, Semporna, Penampang, Membakut, Kinabatangan, Kalabakan, Beluran dan Beaufort.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima dari daerah Tuaran.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima dari daerah Telupid.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima dari daerah kecil Sook.

KEKURANGAN ZAT MAKANAN

4 daerah **200** Kanak-kanak

Memberikan bantuan makanan kepada kanak-kanak berumur dua belas (12) tahun ke bawah yang kekurangan zat makanan dan terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah iaitu golongan B40 ke bawah agar sihat mengikut tumbesaran umur. Antara daerah terlibat adalah Tungku, Tongod, Tenom dan Pitas.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima dari Daerah Kecil Tungku.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima dari daerah Tongod.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima dari daerah Tenom.

PROGRAM GROWING HEALTHY

2 daerah **50** Kanak-kanak

Memberikan bantuan makanan kepada kanak-kanak berumur dua belas (12) tahun ke bawah yang kekurangan zat makanan dan terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah iaitu golongan B40 ke bawah agar sihat mengikut tumbesaran umur. Antara daerah terlibat adalah Beluran dan Lahad Datu.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima dari daerah kecil Beluran.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima dari daerah Lahad Datu.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima dari daerah Lahad Datu.

Sumber : Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, 2023

PUSAT PERKEMBANGAN KANAK-KANAK (PPKK)





Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (PPKK) merupakan program pembangunan modal insan dalam komuniti yang tidak mempunyai akses pendidikan seperti Pra Sekolah, Taska, Tadika mahupun Tadika di kawasan luar bandar khusus kepada kanak-kanak yang berumur 3 hingga 6 tahun. Tujuan utama PPKK diwujudkan adalah untuk memberi pendedahan pembelajaran awal kepada kanak-kanak luar bandar yang tidak mempunyai akses pendidikan formal, membantu komuniti untuk meningkatkan sosio ekonomi setempat.

YAYASAN KEBAJIKAN SABAH

SUMBANGAN YANG DISALURKAN PADA TAHUN 2023

RM2,232,183.14

Barang Keperluan
RM5,504.75

Wang tunai
RM1,443,265.79

Bekalan Makanan
RM15,830.90

Lain-lain Sumbangan
RM688,345.00

Setakat ini, sumbangan yang telah disalurkan YKS telah memanfaatkan seramai **27,208** penduduk Sabah. Pada tahun 2023, YKS telah menyalurkan bantuan sumbangan ke luar negara seperti berikut:

SUMBANGAN YANG DITERIMA SEBANYAK

2021
RM9,099,385.40

2022
RM10,175,331.25

2023
RM9,841,000.00

BANTUAN PENDIDIKAN KEPADA PELAJAR SABAH DI TIMUR TENGAH

RM2,000 kepada **10 pelajar** (Mesir)
RM30,000 kepada **30 pelajar** (Jordan)
RM10,000 kepada **8 pelajar** (Madinah)

BANTUAN KEMANUSIAAN UNTUK RAKYAT PALESTIN

Bantuan kemanusiaan berjumlah **RM300,000.00** disalurkan ke Tabung Kemanusiaan Aman Palestin melalui Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA)

PROGRAM MEMPERKASA USAHAWAN WANITA GOLONGAN B40 DI SABAH

Program memperkasa usahawan wanita golongan B40 di Sabah telah diadakan dengan berkolaborasi bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO's).


SASARAN TAHUN 2023	5 Program
PENCAPAIAN TAHUN 2023	9 Program

JUMLAH PESERTA PROGRAM	865 orang

Badan Bukan Kerajaan yang terlibat:

- Sabah Women Entrepreneur & Professionals Association (SWEPA)
- Persatuan Peniaga Berjaya Sabah (PeBOSA)
- Persatuan Pembangunan Sosial Komuniti Sabah (BANGUN)
- Persatuan Usahawan Wanita Intelek Sabah (SWISE)
- Persatuan Sokongan Sahabat Sabah (BANTU)
- Persatuan Ibu Tunggal Nur Kasih
- Kelab Skuad Wanita Harapan Sabah (SWAH)

INISIATIF MENOKTAHKAN MISKIN TEGAR



MODEL KERANGKA KERJA MENOKTAHKAN MISKIN TEGAR NEGERI SABAH

INISIATIF MENOKTAHKAN MISKIN TEGAR

RUMUSAN GERAK KERJA

RINTIS

MYSMJ: PROFILING

DAERAH TUARAN



Berjaya diprofil

964/1054
KIR


Pecahan Bilangan KIR

STATUS	JUMLAH
Miskin Tegar	***762**
Miskin	135
Melebih Paras Miskin	24
Meninggal Dunia/Berpindah	43

INISIATIF MENOKTAHKAN MISKIN TEGAR

DAPATAN PADANAN BANTUAN PROFILING MISKIN TEGAR DAERAH TUARAN

762
KIR
Miskin Tegar



1,906
Bantuan

KATEGORI BANTUAN	JUMLAH (KIR & AIR)
PERUMAHAN	360
PEKERJAAN	732
KEUSAHAWANAN	181
PENDIDIKAN	416
KEWANGAN /KEBAJIKAN	217

INISIATIF MENOKTAHKAN MISKIN TEGAR

DAPATAN PADANAN BANTUAN PROFILING MISKIN TEGAR DAERAH TUARAN

PERUMAHAN
Jumlah KIR: 360

JENIS BANTUAN	JUMLAH KIR	Kriteria	Kementerian/Agensi	STATUS TERKINI
Rumah Mesra SMJ	48	• Tidak Memiliki Rumah • Mempunyai Tanah	• Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Senarai nama Ketua Isi Rumah yang memerlukan bantuan perumahan telah diberikan kepada agensi-agensi berkaitan
Program Baik Pulih Rumah	149	• Mempunyai Rumah • Tidak Mempunyai Tanah • Rumah Memerlukan Baik Pulih	• Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan • Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah Sabah • Perbadanan Pinjaman Sabah • Sabah Energy Corporation	Melalui Perbincangan roundtable pada 24 Januari 2024 KKTP dan KKDW telah menghantar permohonan peruntukan bagi kerja – kerja baikpulih rumah
Projek Perumahan Rakyat	163	• Tidak Mempunyai Rumah • Tidak Mempunyai Tanah	• Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	

PEKERJAAN
Jumlah KIR/AIR: 732

JENIS BANTUAN	Jumlah KIR/AIR	Kriteria
MySMJ: Pekerjaan	225 KIR 507 AIR Jumlah: 732 orang	• KIR atau AIR di atas 18 tahun • KIR atau AIR tiada Pekerjaan • (umur < 45 tahun) • Pendapatan < RM 1,000

KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI/ GLC/INDUSTRI	KOMITMEN	
SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA	58	TELAH DILANTIK DAN MULA BEKERJA
KIBING SOLAR SDN BHD	71	
YAYASAN KEBAJIKAN SABAH	1	
JHEAINS	12	
LEMBAGA INDUSTRI GETAH SABAH	3	BELUM DILANTIK
JABATAN PERTANIAN	TBC	
KUMPULAN BTC	30	
JAB VETERINAR	1	
JAB PERIKANAN	TBC	
JUMLAH	176	

INISIATIF MENOKTAHKAN MISKIN TEGAR

DAPATAN PADANAN BANTUAN PROFILING MISKIN TEGAR DAERAH TUARAN

KEUSAHAWANAN

Jumlah KIR: 181

JUMLAH KIR	KRITERIA
181	Mempunyai Kemahiran pertanian/perikanan/ Memasak/ pertukangan/ Dan Pendapatan di bawah RM1,000

KEMAHIRAN	BILANGAN KIR/AIR
Pertanian	68
Perikanan	29
Ternakan	13
Pertukangan	56
Kemahiran Ekonomi Rumah Tangga	49
Tiada Kemahiran	43
Tiada Sijil	38

PENDIDIKAN

Jumlah AIR: 416

JUMLAH AIR	KRITERIA
416	AIR Berumur 7-25 tahun yang boleh diberikan bantuan Pendidikan peringkat sekolah ataupun pengajian tinggi

Tahap Pendidikan	Bilangan AIR
Tiada Sijil	158
UPSR	67
PMR/PT3	170
SPM	58
Diploma	8
Sarjana Muda	3

INISIATIF MENOKTAHKAN MISKIN TEGAR

DAPATAN PADANAN BANTUAN PROFILING MISKIN TEGAR DAERAH TUARAN

KEWANGAN/KEBAJIKAN

Jumlah KIR/AIR: 217

JENIS BANTUAN	KEMENTERIAN/AGENSI	JUMLAH KIR	KRITERIA
Bantuan Kebajikan/ Kewangan	Kementerian Pembangunan Masyarakat & Kesejahteraan Rakyat/ Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah	217	• Salah Satu AIR mengalami Penyakit Kritikal atau Masalah Nutrisi Badan atau Kurang Upaya

PEJABAT KEBAJIKAN BAHAGIAN/DAERAH	PENERIMA SEDIA ADA KIR/AIR	TIDAK LAYAK	DISYORKAN BANTUAN	BELUM DILAWAT
PEJABAT KEBAJIKAN DAERAH TUARAN	50	10	17	
PEJABAT KEBAJIKAN BAHAGIAN K.KINABALU	1	1	0	
PEJABAT KEBAJIKAN DAERAH PENAMPANG	1	0	0	
PEJABAT KEBAJIKAN DAERAH KECIL TAMPARULI	22	40	33	41
PEJABAT KEBAJIKAN DAERAH KOTA BELUD	0	1	0	
	74	**52**	**50**	

MYSMJ DASHBOARD : PANGKALAN DATA LOCKED FIGURE MISKIN TEGAR NEGERI SABAH

Pada Oktober 2023, satu kejayaan penting telah dicapai di negeri Sabah dengan pembangunan Sistem Dashboard MySMJ: Pangkalan Data Locked Figure Miskin Tegar untuk Negeri Sabah. Sistem ini dibangunkan dalam masa yang singkat iaitu tiga hari sahaja. Apa yang memberangsangkan ialah pembangunan sistem ini dilaksanakan secara dalaman oleh seorang Pegawai Interim Hi-Talent Sekretariat Maju Jaya Sabah tanpa memerlukan kos tambahan. Ciri-ciri sistem tersebut adalah seperti yang berikut:

Data Demografi Miskin Tegar
Pangkalan data sistem MySMJ Dashboard adalah hasil pemprosesan data mentah daripada sistem e-Kasih yang diperoleh daripada Pejabat Pembangunan Negeri Sabah (ICU JPM Sabah). Data tersebut kemudiannya dipindahkan ke pangkalan data Locked Figure Miskin Tegar Negeri Sabah.

Fungsi dan Kandungan Sistem
Sistem ini mempunyai dua halaman yang menyediakan maklumat yang sangat berharga untuk memantau dan menambah baik dasar pembangunan di Sabah.

Halaman pertama mengandungi maklumat demografi tentang 22,510 Ketua Isi Rumah di Sabah. Data ini dipecahkan mengikut wilayah, parlimen dan daerah pilihan raya negeri (DUN). Selain itu, halaman ini memaparkan taburan rumah yang sukar dicapai di seluruh Sabah menggunakan imej satelit. Ini memberikan pemahaman visual yang mendalam tentang taburan geografi populasi yang terdedah.

Halaman kedua memaparkan senarai ketua isi rumah dan 95,454 ahli isi rumah. Maklumat yang dikemukakan termasuk butiran peribadi seperti nama, jantina, umur, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat, daerah tempat tinggal, parlimen mengundi, Kawasan Dewan Undangan Negeri mengundi, sijil pendidikan, kemahiran, status perkahwinan, etnik dan agama.

Pemilikan Geran Tanah


Kepentingan pemilikan tanah dalam menentukan kesejahteraan masyarakat tidak boleh diabaikan. Oleh itu, Sekretariat Sabah Maju Jaya dan Jabatan Tanah Ukur Sabah menjalankan integrasi data bagi mendapatkan maklumat pemilikan geran tanah Ketua Isi Rumah dan Ahli Isi Rumah. Bilangan pegangan geran tanah juga dipaparkan pada muka surat kedua sistem.

Kemudahan penggunaan

Salah satu ciri utama sistem ini ialah kemudahan penggunaannya. Pengguna boleh mengakses data yang mereka perlukan dengan mudah melalui fungsi yang disediakan.

Dengan kehadiran MYSMJ Dashboard: Pangkalan Data Locked Figure Miskin Tegar Negeri Sabah, Sabah telah mengambil langkah progresif dalam mengurus data demografi dan menyediakan maklumat penting untuk membuat keputusan. Sistem ini diharapkan menjadi asas yang kukuh untuk pembangunan mampan dan inklusif di negara Sabah dan seterusnya untuk negara.

MYSMJ DASHBOARD : PANGKALAN DATA LOCKED FIGURE MISKIN TEGAR NEGERI SABAH



Halaman Pertama

MYSMJ DASHBOARD : PANGKALAN DATA LOCKED FIGURE MISKIN TEGAR NEGERI SABAH



Halaman Kedua

MYSMJ DASHBOARD : SMJ PROFILING

Kesinambungan daripada MySMJ Dashboard: Pangkalan Data Locked Figure Miskin Tegar Negeri Sabah, pihak Sekretariat Sabah Maju Jaya telah membangunkan MySMJ Dashboard: SMJ Profiling pada November 2023. Sebagai pencapaian baharu dalam pembangunan mampan, sistem ini dibina secara dalaman tanpa memerlukan kos tambahan. Objektif utama sistem ini adalah untuk merekodkan profil Miskin Tegar dan padanan bantuan yang sewajarnya kepada setiap Ketua Isi Rumah dan Ahli Isi Rumah Miskin Tegar di Sabah.

Sistem ini melibatkan pekerja Profiler yang dilantik di setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri di Sabah, yang juga Ahli Isi Rumah Miskin Tegar. Mereka diberi set data Miskin Tegar yang diperolehi daripada sistem e-Kasih dan kemudiannya menjalankan aktiviti profiling di lapangan. Hasil pemprofilan kemudiannya dimasukkan ke dalam sistem. Menariknya ialah pihak pengurusan di ibu pejabat Sekretariat Sabah Maju Jaya boleh memantau kerja-kerja pemprofilan dalam masa nyata.

Struktur Halaman dan Fungsi dalam Sistem

Sistem MySMJ Dashboard: SMJ Profiling terdiri daripada lima halaman yang direka untuk memudahkan pelbagai fungsi dan keperluan:

1. **Status SMJ Profiling**: Halaman ini memberikan gambaran keseluruhan status kerja profiling sebelum mencapai sasaran utama iaitu meliputi seramai 22,510 Ketua Isi Rumah golongan Miskin Tegar. Ini termasuk rekod maklumat peribadi, gambar peribadi, gambar rumah, serta pemandangan satelit kediaman Ketua Isi Rumah.

2. **Profil Ketua Isi Rumah dan Ahli Isi Rumah**: Halaman ini memaparkan maklumat peribadi dan profil lengkap Ketua Isi Rumah dan Ahli Isi Rumah Miskin Tegar, berstruktur seperti resume kerja. Maklumat ini berguna untuk pengguna atau agensi yang terlibat dalam menyediakan bantuan atau intervensi yang sesuai untuk memuat naik profil KIR dan AIR.


3. **Analisis Indikator**: Halaman ini menerangkan secara holistik Indikator tambahan Miskin Tegar Negeri Sabah. Ini termasuk Pemilikan rumah, Pemilikan Pekerjaan, Penyakit Kritikal Isi Rumah, Kecacatan Fizikal Isi Rumah, BMI Isi Rumah, Pemilikan Tanaman Pertanian, Kemampuan membayar perkhidmatan asas, pemilikan kenderaan, pemilikan kelengkapan moden, pemilikan tanah peribadi, pemilikan haiwan ternakan, status daftar lewat Isi Rumah dan tahap Pendidikan Isi Rumah.

4. **Analisis Bantuan**: Sistem secara automatik melaksanakan pemadanan bantuan atau intervensi yang sesuai kepada Ketua Isi Rumah Miskin Tegar berdasarkan data pemprofilan yang dimuat naik oleh Profiler. Bantuan ini dipadankan dengan keperluan perumahan, pekerjaan, pendidikan, kebajikan dan keusahawanan.

5. **Analisis Demografi**: Halaman ini memaparkan data demografi berkaitan Ketua Isi Rumah yang telah diprofil termasuk kawasan kediaman, Parlimen dan DUN mengundi, status semasa, status miskin sebenar, jumlah pendapatan isi rumah, dan taburan kawasan kediaman melalui geolokasi .


Sistem MySMJ Dashboard: SMJ Profiling adalah manifestasi konkrit komitmen Sabah untuk mengatasi cabaran kemiskinan dan meningkatkan kebajikan masyarakat. Dengan memanfaatkan teknologi dan data, sistem ini menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan inklusif dan mampan di negeri ini. Semoga inovasi ini dapat menjadi contoh kepada negeri lain untuk mengorak langkah progresif dalam memajukan kesejahteraan sosial dan ekonomi dan seterusnya menoktahkan kemiskinan di Malaysia.

MYSMJ DASHBOARD : SMJ PROFILING




Halaman Pertama: Status SMJ Profiling

MYSMJ DASHBOARD : SMJ PROFILING




Halaman Kedua: Profil KIR dan AIR

MYSMJ DASHBOARD : SMJ PROFILING




Halaman Ketiga: Analisis Indikator

MYSMJ DASHBOARD : SMJ PROFILING



Halaman Keempat: Analisis Bantuan

MYSMJ DASHBOARD : SMJ PROFILING



Halaman Kelima: Analisis Demografi

INISIATIF MENOKTAHKAN MISKIN TEGAR



LIMA (5) INISIATIF DIRANGKA UNTUK MENOKTAHKAN MISKIN TEGAR NEGERI SABAH (INTERVENSI DAN BANTUAN)

PROJEK RINTIS DI DAERAH TUARAN

KEMAJUAN PELAKSANAAN INISIATIF

MYSMJ: PROFILING	MYSMJ KERJA: PBT	MYSMJ KERJA: DO	MYSMJ KERJA: GLC	MYSMJ KERJA: INDUSTRI
				
Pelantikan Pegawai MySMJ Profiler di 73 DUN Negeri Sabah	Pekeliling pengambilan **10% pekerja** di PBT dari golongan Miskin Tegar	Kerjasama Pejabat Daerah - mengenal pasti industri/peluang pekerjaan di Daerah untuk MT	Kerjasama GLC Memberi peluang pekerjaan kepada MT	Kerjasama Pelabur/ pemain industri dalam Memberi peluang pekerjaan kepada MT
• ***5,852 KIR seluruh negeri Sabah telah diprofil***		12 MT telah dilantik di bawah JHEAINS	LIGS: 3 orang 1 MT telah dilantik di bawah Yayasan Kebajikan Sabah	192 KIR/AIR diambil bekerja
• ***Profiling Daerah Penampang dan Putatan bermula 20 Februari 2024***				

INISIATIF MENOKTAHKAN MISKIN TEGAR



ACARA PENYAMPAIAN SURAT PELANTIKAN INISIATIF MYSMJ KERJA KEPADA KETUA ISI RUMAH (KIR) / ANGGOTA ISI RUMAH (AIR) DENGAN KERJASAMA INDUSTRI

INISIATIF MENOKTAHKAN MISKIN TEGAR



MAJLIS PENYERAHAN SURAT LANTIKAN PETUGAS KESELAMATAN DAN KECERIAAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (INISIATIF MYSMJ: KERJA)



JARINGAN INFRASTRUKTUR
DAN KELESTARIAN HIJAU:

JARINGAN INFRASTRUKTUR

STATUS PELAKSANAAN PROJEK LEBUH RAYA PAN BORNEO

Projek Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo dibahagikan kepada tiga (3) fasa. Fasa satu (1) merupakan jajaran dari laluan Sindumin – Kota Kinabalu – Kudat, Ranau ke Mile 32 Sandakan dan Mile 32 Sandakan - Tawau sepanjang 706 kilometer. Fasa satu (1) dipecahkan kepada 35 pakej kerja dimana 15 pakej kerja sedang dalam proses pembinaan. Kos keseluruhan projek bagi fasa satu (1) adalah sebanyak RM15.237 bilion. Status pencapaian projek pembinaan lebuhraya ini telah mencapai kemajuan fizikal sebanyak 87.0% dengan empat (4) pakej kerja telah siap sepenuhnya setakat Disember 2023 dan dijangkakan siap sepenuhnya menjelang tahun 2026.



WP05 - PAPAR -DONGGONGON



WP-15 - TAWAU – SEMPORNA PACKAGE 1 PHASE 2




WP21 - LAHAD DATU BYPASS



WP27 - KG LOT M - SANDAKAN MILE 32


STATUS PELAKSANAAN PROJEK LEBUH RAYA PAN- BORNEO



PANJANG KESELURUHAN PAKEJ KERJA LEBUHRAYA PAN BORNEO FASA 1

PACKAGE	SECTION	DIST. (KM)
WP 1	Sindumin - Kg Melalia	28.5
WP 2	Kg Melalia - Beaufort	34.7
WP 3	Beaufort - Bongawan	22.4
WP 4	Bongawan – Papar	23.2
WP 5	Papar – Donggongon	11.7
WP 6	Putatan - Inanam	19.6
WP 7	Inanam – Sepangar	9.9
WP 8	Sepangar - Bulatan Berungis	11.7
WP 9	Serusup – Pituru	20.7
WP 10	Pituru – Rampayan Laut	32.2
WP 11	Rampayan Laut – Sarang	7.3
WP 12	Sarang - Temuno	14.8
WP 13	Temuno – Bingolon	21.2
WP 14	Bingolon – Simpang Mengayau	27.8
WP15	Tawau – Semporna Package 1 Phase 2	5.0
WP 16	Kg. Check Point – Sg Kalumpang	19.3
WP 17	Sg Kalumpang – Madai	19.0
WP 18	Madai – IGN Estate	13.8
WP 19	IGN Estate – Agri Harvest	18.5
WP 20	Agri Harvest - Sapagaya	17.3
WP 21	Lahad Datu Bypass	6.9
WP 22	Lahad Datu Bypass – Kg Sandau	23.5
WP 23	Kg Sandau – Sg Takala	25.0
WP 24	Sg Takala – Kg Perpaduan Datuk Moh	15.9
WP 25	Kg Perpaduan Datuk Moh – Sukau	15.0
WP 26	Sukau – Kg. Lot M	18.0
WP 27	Kg Lot M – Sandakan Mile 32	18.1
WP 28	Sandakan Mile 32 – Moynod	21.7
WP 29	Moynod – Sapi Nangoh	20.4
WP 30	Sapi Nangoh – Sg Baoto	*16.8*
WP 31	Sg Baoto – Telupid	*20.5*
WP 32	Telupid – Kg Lumou Baru	18.2
WP 33	Kg Lumou Baru – Kg Toupos	20.2
WP 34	Kg Toupos - Kg Nabutan	24.1
WP 35	Kg Nabutan - Ranau	27.5

PROJEK-PROJEK PENINGKATAN KAPASITI BEKALAN AIR



Setakat tahun 2023, terdapat 88 buah loji yang beroperasi di seluruh negeri Sabah dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 1,530 Juta Liter Sehari (JLH). Keupayaan bekalan air disasarkan sebanyak 1,940 JLH menjelang tahun 2025.

Loji Rawatan Air (LRA)
Telibong II, Tamparuli

Kapasiti tambahan 80 juta liter sehari (JLH)



Loji Rawatan Air (LRA)
Kogopon, Papar

Kapasiti tambahan 20 juta liter sehari (JLH)




PENINGKATAN KADAR PENEMBUSAN INTERNET


Jendela
Jalinan Digital Negara

Inisiatif JENDELA tetap menjadi platform utama yang bertujuan untuk mempercepatkan kesalinghubungan digital negara dalam meningkatkan capaian jalur lebar mudah alih, hentian optik dan tetap. Sementara itu, JENDELA juga memberikan landasan untuk pengembangan teknologi 5G di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Inisiatif ini berada dalam fasa pelaksanaan yang progresif dimana capaian jalur lebar mudah alih, gentian optik dan tetap terus diperluaskan, membawa kepada peningkatan ketara dalam aksesibiliti digital di seluruh negara. Berikut adalah status pencapaian inisiatif JENDELA bagi negeri Sabah untuk suku ketiga tahun 2023.



PROGRAM BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR ALTERNATIF (BELBA)



Program Bekalan Elektrik Luar Bandar Alternatif (BELBA) adalah projek untuk memenuhi keperluan bekalan elektrik dalam skala kecil bagi komuniti di kawasan luar bandar. Projek ini merangkumi penjanaan elektrik melalui kaedah alternatif seperti mikro hidro di kawasan pedalaman yang tidak dicakupi oleh program dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan juga kawasan yang jauh dari sistem grid SESB. Sebanyak lima belas (15) Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar Alternatif (BELBA) di kawasan terpencil bermula pada tahun 2023 telah berjaya dilaksanakan. Ianya telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan pada tahun 2023 dengan pencapaian sebanyak 375 %. Pecahan daerah yang menerima peruntukan tersebut adalah seperti berikut:



JARINGAN INFRASTRUKTUR
DAN KELESTARIAN HIJAU:

KELESTARIAN HIJAU

TOTALLY PROTECTED AREA 2,012,004 HEKTAR (27.33%)

Kerajaan Negeri Sabah komited untuk mengenalpasti 30% (2.2 juta hektar) daripada keluasan tanah negeri sebagai Totally Protected Area (TPA) menjelang tahun 2025. Perkara ini telah pun digariskan dalam Dasar Hutan Sabah 2018 (Objektif 1, Teras 2). Setakat tahun 2018, Kerajaan Negeri telah mewartakan 1,906,896.204 hektar (26%) kawasan TPA yang terdiri daripada kawasan hutan simpan, taman-taman Sabah, sanktuari hidupan liar dan kawasan konservasi hidupan liar. Pada tahun 2019, seluas 778 hektar TPA telah diwartakan. Manakala seluas 34,722 hektar TPA telah pun diwartakan pada tahun 2020, seluas 257,604 hektar TPA lagi yang perlu dikenalpasti dan diwartakan untuk mencapai sasaran. Inisiatif ini berpusat di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Sabah, Sandakan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025. Pada tahun 2023, terdapat peningkatan pewartaan kawasan TPA sebanyak 69,607 hektar dan menjadikan jumlah keseluruhan TPA setakat ini adalah seluas 2,012,004 hektar(27.33%).

FESTIVAL I-HIJAU KKTP

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah julung-julung kalinya menganjurkan Program Festival "I-HIJAU KKTP" : Inisiatif HIJAU KKTP, Aspirasi Sabah Maju Jaya 2023 pada 15 Julai 2023 bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC). Program Festival ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, Timbalan Ketua Menteri II Merangkap Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah. Program festival yang dirancang di bawah Sektor Landskap dan Kelestarian KKTP ini berlangsung selama 1 hari ini turut dihadiri oleh pelbagai agensi kerajaan, swasta & NGO, pembekal, peniaga, pelajar dan orang awam yang turut serta menjayakan program festival ini.

MoU STRATEGIK DEMI KELESTARIAN HUTAN HUJAN SABAH: KERJASAMA KYS, MBMC DAN MBCA

10 Februari 2023 - Memorandum Persefahaman (MoU) pembaharuan telah ditandatangani oleh ketiga-tiga pihak iaitu Kolej Yayasan Sabah (KYS), Kawasan Konservasi Lembangan Maliau (MBCA) dan Rangkaian Penyelidikan Hutan Hujan Nordik (NRRN) pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Pembaharuan di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu. Upacara menandatangani MoU tersebut disaksikan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah, YB Datuk Abidin bin Madingkir. Pada 12 Jun 2015, kerjasama dengan negara-negara Nordic diperkukuhkan dengan termeterainya MoU antara KYS, NRRN dan Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Meliau untuk menubuhkan dan membangunkan Program Penyelidikan, Latihan dan Pendidikan Hutan Hujan Tropika Lembangan Meliau. Pelanjutan MoU selama lima (5) tahun adalah langkah penting dalam melindungi dan memelihara hutan hujan. Jalinan kerjasama ini diharapkan dapat membawa kemajuan signifikan dalam pemahaman masyarakat tentang hutan hujan Sabah dan usaha pemuliharaan yang lebih efektif pada masa depan. KYS yakin kerjasama ini akan memberikan sumbangan positif terhadap inisiatif penyelidikan saintifik, khususnya dalam menilai, memantau, dan mengurus sumber biodiversiti secara mampan.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN PEMBAHARUAN PROGRAM PENYELIDIKAN DAN LATIHAN HUTAN HUJAN TROPIKA LEMBAH DANUM

28 Julai 2023 - Program Penyelidikan dan Latihan Hutan Hujan Tropika Lembah Danum telah bermula pada tahun 1984 sebagai hasil kerjasama antara Jawatankuasa Pengurusan Lembah Danum dan Royal Society, United Kingdom (UK). Sejak itu, tujuh (7) memorandum persefahaman telah ditandatangani untuk meneruskan kerjasama ini. Pada memorandum persefahaman ke-7, Southeast Asia Rainforest Research Partnership (SEARRP) telah menggantikan peranan Royal Society dalam program ini. Tujuan utama program ini adalah untuk mempergiatkan aktiviti penyelidikan, pendidikan, dan latihan di Kawasan Konservasi Lembah Danum (KKLD). Seiring dengan kerjasama ini, aktiviti penyelidikan di KKLD telah mengalami peningkatan yang signifikan, dan banyak pakar penyelidik antarabangsa dan tempatan telah dilahirkan melalui program ini. Pentingnya program ini ditegaskan dengan pemilihan KKLD sebagai Pusat Pembelajaran Kedua Paling Berpengaruh di Dunia semasa Persidangan Tahunan Persatuan Ekologi Tropika pada tahun 2015. Selain itu, program ini turut membantu dalam penubuhan plot penyelidikan jangka masa panjang, seperti plot 50 hektar. Data yang diperoleh dari plot tersebut telah memberikan sumbangan yang penting kepada pemahaman global tentang ekosistem hutan hujan tropika. Pada 28 Julai 2023, SEARRP, Yayasan Sabah, dan Jawatankuasa Pengurusan Lembah Danum telah menyedari kepentingan program ini dan memperbaharui memorandum persefahaman. Majlis menandatangani memorandum persefahaman pembaharuan tersebut telah berlangsung di Sabah International Convention Centre, Kota Kinabalu. Langkah ini menunjukkan kesungguhan dan kesinambungan komitmen untuk menjalankan dan memajukan program penyelidikan dan latihan hutan hujan tropika di Lembah Danum.

PENGHASILAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN SISA EFLUEN DAN SISA PEPEJAL DALAM INDUSTRI KILANG KELAPA SAWIT DI SABAH



Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberikan panduan dalam meminimakan impak alam sekitar dari aktiviti kilang kelapa sawit di Sabah (sisa efluen dan sisa pepejal). Kaedah kawalan bagi mengawal isu utama alam sekitar yang timbul akibat dari aktiviti ini adalah menggalakkan 'siting dan buffer zones' dan memberi rekomendasi berdasarkan Best Management Practices (BMPs) dan Best Available Techniques (BATs). Buku garis panduan telah tersedia dan boleh diakses menerusi laman web rasmi JPAS di https://epd.sabah.gov.my

PENDOKUMENTASIAN AMALAN TERBAIK AKTIVITI PENDIDIKAN ALAM SEKITAR YANG DILAKSANAKAN OLEH PELBAGAI ORGANISASI



Inisiatif ini dilaksanakan melalui "Kajian Penyediaan Bahan Pendidikan Dan Laporan Amalan Terbaik Pelaksanaan Dasar Pendidikan Alam Sekitar di Sabah" bermula 2023 - 2025. Pendidikan alam sekitar dilaksanakan oleh pelbagai agensi dan organisasi berdasarkan peranan dan bidang kuasa masing-masing. Penyediaan bahan pendidikan alam sekitar dan dokumen amalan terbaik pelaksanaan pendidikan alam sekitar menyumbang kepada pelaksanaan pendidikan alam sekitar yang lebih efektif di Sabah. Pendigitalan ke atas bahan-bahan pendidikan alam sekitar bertujuan untuk memperluaskan perkongsian maklumat serta meningkatkan usaha pelaksanaan pendidikan alam sekitar melalui pembelajaran secara interaktif. Penyediaan bahan Pendidikan alam sekitar memfokuskan isu alam sekitar utama di Sabah iaitu penggunaan tanah, air, tenaga, perubahan Iklim, dan pengurusan sisa. Kajian telah bermula pada Disember 2023 dan dalam peringkat Kajian Awalan (inception) setakat Januari 2024.

PEMBANGUNAN 400,000 HEKTAR LADANG UNTUK BEKALAN KAYU MAMPAN



Sumber : Kementerian /Jabata

Pembangunan Ladang Hutan di Sabah adalah bertujuan untuk:

- Memastikan pengeluaran kayu secara berterusan dan menjamin bekalan kayu pada masa hadapan;
- Meningkatkan sumber kayu kepada industri perkayuan dan secara langsung mengurangkan tekanan kepada pengeluaran kayu dari hutan asli;
- Mengurangkan kemerosotan (degradasi) kepada tanah melalui aktiviti penanaman semula terutama sekali di kawasan yang telah dibalak berulangkali dan terbakar; dan
- ·Meningkatkan taraf hidup dan memberikan peluang pekerjaan terhadap komuniti setempat.

Pada tahun 2023 seluas 6,140 Ha ladang hutan telah dibangunkan.

BAHAGIAN 2

INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA 2023


PEMBOLEH DAYA



PEMBOLEH DAYA 1:

KEMAMPANAN FISKAL

BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023




TEMA BELANJAWAN NEGERI SABAH 2023:
"Ekonomi Diperkasa, Rakyat Sejahtera"

Kerajaan Sabah membentangkan belanjawan lebihan berjumlah RM5.138 bilion untuk tahun 2023, menjadikannya jumlah terbesar dalam sejarah belanjawan negeri Sabah. Peruntukan dalam belanjawan bertemakan `Ekonomi Diperkasa, Rakyat Sejahtera' itu menunjukkan peningkatan RM542 juta berbanding RM4.596 bilion yang diperuntukkan dalam belanjawan negeri pada tahun 2023.Berdasarkan unjuran jumlah kutipan hasil itu, kerajaan negeri diunjur mencatat lebihan hasil berjumlah RM130.47 juta pada tahun depan. Sebahagian besar belanjawan Sabah pada tahun depan diagihkan kepada Kementerian Kewangan negeri iaitu sebanyak RM2.16 bilion, diikuti Kementerian Kerja Raya negeri (RM1.16 bilion) dan Jabatan Ketua Menteri (RM634.41 juta).Selebihnya diagihkan kepada Kementerian Pertanian dan Perikanan negeri (RM501.54 juta), Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (RM212.63 juta), Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (RM204.03 juta) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (RM175.61 juta).Selain itu, Kementerian Tugas-Tugas Khas dan Penyelarasan (RM167.75 juta), Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah (RM157.58 juta), Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (RM134.59 juta), Kementerian Belia dan Sukan Sabah (RM97.50 juta) dan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah (RM54.51 juta).Turut diperuntukkan ialah Perbelanjaan Tanggungan sebanyak RM227.24 juta dan Perbelanjaan Yang Tidak Termasuk Dalam Kementerian-Kementerian sebanyak RM38.79 juta.

Sumber: Teks Ucapan Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2023

KUTIPAN HASIL NEGERI



Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah, 2024

Kerajaan negeri Sabah meneruskan momentum dalam menguruskan ekonomi seiring dengan komitmen dan semangat untuk menjayakan pelan hala tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) apabila merekodkan hasil kutipan negeri berjumlah RM6.973 bilion pada tahun lepas. Sabah berjaya mencatat rekod cemerlang dalam aspek kutipan hasil negeri tertinggi dalam sejarah selama tiga tahun berturut-turut, merekodkan hasil kutipan negeri berjumlah RM6.960 bilion pada 2022 dan RM5.449 bilion pada 2021.



PEMBOLEH DAYA 2:

KEMUDAHAN KEWANGAN

INSENTIF SKIM KREDIT KO-NELAYAN

Insentif skim kredit merupakan salah satu inisiatif Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan nelayan di Sabah. Terdapat tiga (3) jenis skim kredit yang ditawarkan oleh Ko-Nelayan kepada nelayan seperti yang berikut:

Skim Pembangunan Industri Kecil Perikanan (PIKP)

Membantu masyarakat nelayan khususnya nelayan artisanal di Negeri Sabah dalam meningkatkan sosio - ekonomi melalui bantuan kredit dalam bentuk peralatan perikanan tangkap.

Skim Bantuan Nelayan (SBN)

Menyediakan kemudahan kredit untuk meningkatkan sosio-ekonomi kepada nelayan, Ahli Persatuan Nelayan dan mana-mana nelayan Perseorangan, Berkumpulan atau Institusi berdaftar yang berkecimpung dalam perusahaan pemprosesan produk hiliran berasaskan hasil perikanan

Skim Bantuan Pengusaha Akuakultur (SBPA)

Menyediakan kemudahan kredit untuk meningkatkan sosio-ekonomi kepada nelayan, Ahli Persatuan Nelayan dan mana-mana nelayan Perseorangan, Berkumpulan atau Institusi berdaftar yang berkecimpung dalam perusahaan pemprosesan produk hiliran berasaskan hasil perikanan



Penyerahan insentif skim kredit enjin sangkut kepada nelayan artisanal di Sandakan dan Tawau. Seramai 27 orang nelayan menerima enjin sangkut yang diserahkan oleh Ybhg Tuan Kong Soon Choi, selaku Pengerusi KO-NELAYAN. Sepanjang tahun 2023, seramai 59 orang nelayan artisanal di seluruh Sabah telah mendapat manfaat daripada inisiatif SMJ ini yang dapat membantu meningkatkan hasil tangkapan dan pendapatan mereka.Terdahulu, program ini telah membantu meningkatkan pendapatan nelayan sehingga 30%.



Salah seorang peserta Skim Bantuan Pengusaha Akuakultur tahun 2023 iaitu Encik Danny Cyrillus Bin Daining, dari Kg. Tanah Merah Merotai, Tawau. Program ini memberi manfaat kepada seramai 8 orang pengusaha Akuakultur pada tahun 2023, khususnya di Wilayah Kudat, Tawau, Pedalaman dan Sandakan. Pemberian insentif ini mampu membantu meningkatkan pendapatan peserta di samping berpeluang memanfaatkan kawasan tanah milik mereka yang terbiar dan menyumbang kepada penglibatan serta pengeluaran hasil aktiviti akuakultur di negeri Sabah.



Seramai 21 orang peserta program Pembangunan Industri Kecil Perikanan daripada Wilayah Sandakan dan Tawau telah menerima insentif Skim Kredit berbentuk modal pusingan dan peralatan. Insentif ini telah disampaikan oleh Ybhg Tuan Kong Soon Choi, selaku Pengerusi KO-NELAYAN. Pada tahun 2023, seramai 46 orang pengusaha hiliran perikanan di seluruh Sabah telah menerima insentif melalui Program Pembangunan Industri Kecil Perikanan. Program ini memberi manfaat kepada pengusaha untuk meluaskan skala perusahaan mereka sekaligus membuka ruang terhadap peningkatan pengeluaran produk sehingga 46% berasaskan hiliran perikanan. Peluang ini juga membantu pengusaha meningkatkan pendapatan mereka.

PROGRAM BANTUAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (BAIKS)



PERUNTUKAN BAIKS

2021	RM10 JUTA
2022	RM10.95 JUTA
2023	RM15 JUTA

PENERIMA BAIKS TAHUN 2023

932 PENERIMA

Program Bantuan Industri Kecil dan Sederhana (BAIKS) adalah salah satu inisiatif kerajaan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan dan Penyelidikan untuk merangsang pertumbuhan industri kecil dan sederhana (IKS) di Sabah. Program ini bertujuan untuk membina kapasiti, daya tahan dan daya saing usahawan IKS di Sabah melalui bantuan dalam bentuk geran. Antara bantuan yang ditawarkan terdiri daaripada empat (4) kategori iaitu mesin dan peralatan, pembungkusan , E-dagang/digital dan francais. Pada tahun 2023 , Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta bagi menyokong, memperkasa dan memantapkan lagi Program Bantuan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Sabah dan sebanyak 932 penerima telah menerima bantuan tersebut.

KOMITMEN SABAH DALAM MEMBENTUK EKONOMI YANG BERKEMBANG MELALUI TVET DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN – MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN MOTOSIKAL BIZRIDER MOBILE MECHANIC



Sabah memberikan komitmen yang kukuh terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta pembangunan modal insan dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negeri.Komitmen kerajaan kepada Pembangunan modal insan ditunjukkan melalui pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan untuk menyelaraskan pendidikan dan latihan dengan keperluan industri, memastikan graduan dilengkapi dengan kemahiran yang relevan dan mengikut keperluan semasa pasaran dan tenaga kerja.Kerajaan negeri melalui agensi Pihak Berkuasa Kemajuan dan Pelaburan Ekonomi Sabah (SEDIA) dan Politeknik serta Kolej Komuniti (PolyCC) telah menjalankan kerjasama strategik untuk menyelaraskan program TVET dengan keperluan industri tempatan.Majlis Penyerahan Bantuan Motosikal BIZRIDER Mobile Mechanic pada 16 November 2023 di Politeknik Kota Kinabalu merupakan salah satu program yang terhasil daripada kolaborasi strategik ini. Majlis ini telah menyaksikan penyerahan bantuan motosikal kepada lima belas (15) orang belia yang terdiri daripada alumni kursus penyelanggaraan kenderaan daripada Politeknik dan Kolej Komuniti di Sabah. Bantuan ini akan membantu mereka memulakan perniagaan sebagai mekanik bergerak.Program BIZRIDER Mobile Mechanic, iaitu lanjutan daripada Program BIZRIDER300 yang dilancarkan pada tahun 2022, memberikan penekanan bukan hanya kepada penciptaan peluang pekerjaan, tetapi juga kepada pembangunan kemahiran keusahawanan dalam kalangan belia Sabah. Ini sejajar dengan visi pembangunan industri di bawah Halatuju Sabah Maju Jaya dan Rangka Tindakan SDC 2.0 yang menekankan transformasi modal insan dengan tema "Tenaga Kerja Masa Depan."Kerajaan menekankan kepentingan tenaga kerja yang mahir, dinamik, dan mampu menyesuaikan diri dengan keperluan pasaran tenaga kerja semasa dan masa depan dalam pembangunan ekonomi. Institusi TVET seperti PolyCC mampu membantu meningkatkan bilangan tenaga mahir negeri Sabah dan mempersiapkan para belia bagi menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 serta era pendigitalan.Inisiatif Program BIZRIDER dan Sijil Kolaborasi Strategik SEDIA dan PolyCC ini menjadi pendorong utama dalam menyediakan belia dengan kemahiran yang relevan, menjadikan Sabah sebagai destinasi yang menarik untuk pelaburan dan pertumbuhan ekonomi yang mapan.



PEMBOLEH DAYA 3:

KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN

MAJLIS AMANAT YAB PERDANA MENTERI KEPADA PENJAWAT AWAM NEGERI DAN PERSEKUTUAN DI SABAH



Majlis Amanat YAB Perdana Menteri kepada Penjawat Awam Negeri dan Persekutuan di Negeri Sabah telah berlangsung di Sabah International Convention Centre (SICC), kelmarin.YAB Datuk Seri Panglima Anwar bin Ibrahim telah menyampaikan amanat kepada lebih 6,000 anggota perkhidmatan awam secara fizikal, manakala 2,000 penjawat awam secara dalam talian.Majlis Amanat bersama YAB Perdana Menteri yang julung kali diadakan ini juga disiarkan secara langsung di Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan saluran Youtube rasmi Kerajaan Negeri Sabah.Majlis Amanat YAB Perdana Menteri kepada Penjawat Awam Negeri dan Persekutuan di Negeri Sabah telah berlangsung di Sabah International Convention Centre (SICC), kelmarin.YAB Datuk Seri Panglima Anwar bin Ibrahim telah menyampaikan amanat kepada lebih 6,000 anggota perkhidmatan awam secara fizikal, manakala 2,000 penjawat awam secara dalam talian.Majlis Amanat bersama YAB Perdana Menteri yang julung kali diadakan ini juga disiarkan secara langsung di Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan saluran Youtube rasmi Kerajaan Negeri Sabah.

PROGRAM SESI LIBAT URUS STRATEGIK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI BERSAMA KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI NEGERI









Sesi Libat Urus ini bertujuan untuk mendengar isu-isu dan cabaran serta keperluan-keperluan berkaitan perjawatan seterusnya memperkasakan perkhidmatan awam dan memastikan kementerian, jabatan dan agensi yang bernaung di bawah pentadbiran kerajaan negeri lebih komprehensif selaras dengan objektif penubuhan kementerian tersebut.

PROGRAM PEMANTAPAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN MAJLIS PENTAULIAHAN PENGURUS SUMBER MANUSIA TAHUN 2023

Bahagian Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (JPANS) telah menganjurkan Program Pemantapan Pengurusan Sumber Manusia dan Majlis Pentauliahan Pengurus Sumber Manusia pada 09 hingga 10 Oktober 2023 bertempat di The Pacific Sutera Hotel. Program Pemantapan Pengurusan Sumber Manusia merupakan inisiatif Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri sebagai platform bagi membincangkan isu dan seterusnya merangka strategi pemantapan pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam negeri secara kolektif antara pengurus-pengurus sumber manusia.Objektif utama program ini untuk memperkukuhkan kerjasama dan komunikasi sesama Pengurus Sumber Manusia dan memberi motivasi kepada Pengurus Sumber Manusia untuk terus komited menjadi pentadbir dalam perkhidmatan awam negeri. Selain itu, program ini turut membantu Pengurus Sumber Manusia mengenalpasti kelemahan/kekurangan pengemaskinian maklumat SM2 di agensi masing-masing.Program ini dimulakan dengan Klinik SM2 pada 9 Oktober melibatkan 22 agensi bagi membantu pemurnian data SM2 agensi masing-masing. Manakala pada 10 Oktober 2023 seramai 132 Pengurus Sumber Manusia dari semua agensi telah menghadiri Program Pemantapan Pengurusan Sumber Manusia yang dimulai dengan sesi perkongsian bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri (SPANS), diikuti sesi Team Building dan seterusnya sesi Motivasi dengan tajuk "Serve with Purpose" oleh Tuan Haji Fadzli Yusof.Acara kemuncak pada sebelah petang iaitu Majlis Pentauliahan Pengurus Sumber Manusia yang telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah, Datuk Zainudin bin Aman dan seramai 132 Pengurus Sumber Manusia setiap agensi telah menerima sijil Pentauliahan Pengurus Sumber Manusia. Turut hadir Puan Hajah Junaidah Abdul Hamid, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Puan Aidah Haji Awang, Pengarah Perkhidmatan Awam dan Pengarah-Pengarah Bahagian Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

PERSIDANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA TAHUN 2023



Persidangan Pengurusan Sumber Manusia telah diadakan pada 11 Disember 2023. Bahagian Perkhidmatan Awam (BPA), Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah selaku penganjur persidangan turut menganjurkan Bengkel Pengurus Sumber Manusia (Bengkel PSM) sebagai pengisian persidangan ini. Bengkel ini bertindak sebagai platform perkongsian serta prbincangan dasar-dasar berkenaan perkhidmatan awam negeri.Objektif utama penganjuran bengkel yang bertempat di Ballroom 1, The Magellan Sutera Resort tersebut adalah bagi mendapatkan input daripada PSM selaku barisan hadapan pelaksanaan dasar perkhidmatan awam. Antara topik perbincangan ialah, pertukaran pegawai, kenaikan pangkat, menanggung kerja, elaun pertukaran, dasar pemisah, dasar dan kaedah penilaian prestasi, pengurusan sistem maklumat sumber manusia (SM2), Star Rating SM2, urusan operasi pemangkuan dan pengesahan jawatan, penilaian kompetensi (Kumpulan pengurusan dan professional), Penilaian kompetensi (Kumpulan Pelaksana), Pekerja Sambilan Harian (PSH) serta Elaun dan Kemudahan.

PERSIDANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA TAHUN 2023



Salah satu pengisian Persidangan Pengurusan Sumber Manusia juga ialah Sesi Libat Urus Kajian Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) peringkat Negeri Sabah.Program telah dihadiri oleh seramai 285 orang terdiri dari 130 orang Pengurus Sumber Manusia (PSM) dan 155 pegawai kanan teknikal Kementerian, Jabatan, Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri.Kajian yang diadakan bermula jam 2.00 hingga 5.00 petang itu adalah sebagai susulan kepada Kajian SSPA yang diadakan pada 2 November 2023 bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia di Sabah International Covention Centre (SICC).Ianya bertujuan untuk mendapat maklumat, input dan cadangan serta justifikasi lengkap berkenaan penambahbaikan kepada pembangunan organisasi, kemampanan sistem saraan dan pengurusan bakat serta cadangan lain berdasarkan prinsip keperluan perkhidmatan awam masa hadapan, menangani cabaran semasa dan menerapkan nilai G.R.E.A.T.Sebanyak 417 cadangan telah direkodkan dan akan diperhalusi oleh pihak urus setia sebelum dikemukakan kepada pihak JPA.

PERSIDANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA TAHUN 2023



Persidangan Pengurusan Sumber Manusia yang diadakan turut melibatkan penganjuran mesyuarat pengurusan sumber manusia, ia merupakan platform bagi Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri dan Pengurus sumber manusia di peringkat Kementerian, Jabatan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri membincangkan isu-isu yang dibentangkan semasa bengkel pengurus sumber manusia (Bengkel PSM) yang telah diadakan pada 11 Disember 2023.

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) PERINGKAT NEGERI SABAH TAHUN 2023



Majlis ini berlangsung bagi memberikan anugerah kepada agensi yang memberi komitmen kepada MBJ, Perkongsian Ilmu berkenaan MBJ dan Pelaporan Keaktifan Pelaksanaan MBJ negeri. Dihadiri seramai 161 orang peserta, program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Zainudin bin Aman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri.

PROGRAM FAMILIARISASI PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2023



Objektif penganjuran program ini adalah untuk memberi pengenalan dan kefahaman tentang profesionalisme penjawat awam negeri Sabah.Program ini diisi dengan kursus ceramah yang memberi pengenalan dan pendedahan kepada pegawai-pegawai baharu untuk meningkatkan nilai budaya kerja cemerlang, penerapan integriti dan pengurusan sahsiah kendiri.Selain itu, program ini juga turut diisi dengan kursus budaya kerja berpasukan dan jati diri (teambuilding) yang telah diadakan di Shangri-La Rasa Ria Resort, Tuaran bertujuan untuk melahirkan kakitangan yang mahir, kreatif, berinovasi, berdaya saing dan peka dengan keperluan jabatan/kementerian.

MAJLIS PENGANUGERAHAN PENARAFAN BINTANG SISTEM MAKLUMAT SUMBER MANUSIA (SM2) TAHUN 2023

Majlis Penganugerahan Penarafan Bintang Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2) ini merupakan acara tahunan yang mula diperkenalkan sejak tahun 2019, dengan objektif untuk menghargai komitmen dan iltizam warga kerja Pengurus Sumber Manusia dan pegawai SM2 dalam memastikan pangkalan data SM2 sentiasa dikemaskini dengan maklumat yang tepat.SM2 agensi-agensi kerajaan negeri dinilai berdasarkan 4 kriteria utama iaitu Data Perjawatan, Data Maklumat Penjawat, Data Prestasi dan Ketepatan Data. Setiap agensi negeri dibahagi kepada lapan (kluster mengikut jenis agensi dan juga jumlah perjawatan agensi.Bermula tahun ini dua (2) anugerah baru diperkenalkan iaitu Agensi terbaik dan Pengurus Sumber Manusia Terbaik mengikut kluster. Pada tahun ini sebanyak 49 agensi telah dianugerahkan penarafan 5 bintang yang menunjukkan peningkatan sejak kriteria Ketepatan Data diperkenalkan pada tahun lalu.Majlis ini telah dihadiri oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian, Ketua- Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Daerah/Daerah Kecil, Pegawai-Pegawai Eksekutif, Ketua-Ketua Agensi Badan Berkanun Negeri, Pengurus-Pengurus Sumber Manusia Agensi dan pegawai-pegawai yang menguruskan SM2.Turut hadir Puan Hjh Junaidah Abdul Hamid, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) selaku Pengerusi Penganjur, Puan Josie Lai, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Puan Aidah Hj Awang, Pengarah Perkhidmatan Awam selaku Ketua Penyelaras Program dan Pengarah-Pengarah Bahagian Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

BENGKEL PELAN STRATEGIK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH (PSJPANS) 2024-2026

Bengkel Pelan Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (PSJPANS) 2024-2026 anjuran Bahagian Governan dan Korporat telah berlangsung dengan jayanya bermula 20 November sehingga 23 November 2023.Bengkel yang julung kali diadakan ini melibatkan seramai 63 orang termasuk urus setia, dan dimulakan dengan perasmian oleh Yang Berbahagia Datuk Zainudin bin Aman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri (KPPAN) pada 20 November 2023 yang juga turut hadir sepanjang 4 hari bengkel ini berlangsung.Bengkel PSJPANS merupakan platform rasmi perbincangan antara Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) dan rakan strategik dalam penyediaan pelan yang memenuhi aspirasi kesemua pihak berkepentingan dan pemegang taruh.Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memahami kedudukan struktur organisasi, mengenalpasti dan membangunkan visi, misi, nilai bersama, pilihan-pilihan teras strategik dan pelan tindakan serta memupuk semangat berpasukan dan kebersamaan dalam kalangan pegawai JPAN yang komited bekerjasama bagi memajukan serta membangunkan negeri Sabah dengan visi dan misi yang sama.Pada hari kedua dan ketiga bengkel, para peserta diagihkan kepada 5 kumpulan mengikut teras iaitu Pengurusan Prestasi Tinggi (Kumpulan 1), Perkhidmatan Digital Menyeluruh (Kumpulan 2), Pembangunan Modal Insan Kalis Masa (Kumpulan 3), Pengukuhan Kerjaya (Kumpulan 4) dan Memperkukuh Kesejahteraan Penjawat Awam (Kumpulan 5) dan diketuai oleh 3 orang fasilitator iaitu Encik Mokhzani Aris Mohd Yusoff dari Perbadanan Produktiviti Malaysia, Professor Madya Dr. Firdausi Suffian dan Dr. Sarmila Udin dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Sabah. Manakala pada hari terakhir bengkel, para peserta membentangkan mengenai teras masing-masing dan ucapan perasmian penutupan telah disampaikan oleh YBhg. Datuk (KPPAN) di hotel Hilton. Turut serta dalam bengkel tersebut, barisan pengarah setiap bahagian, Puan Diana Daria Amit (Pembangunan Organisasi), Puan Aidah Haji Awang (Perkhidmatan Awam), Encik Mohd Yassin Ibrahim (Institut Latihan Sektor Awam Negeri (INSAN), Encik Rozhan Zul Azri Talikop (Saraan dan Pencen), Dr. Cleopatra @ Clare Asing (Pembangunan Kapasiti), Puan Doria Tai (Kerajaan Digital), Puan Mary Paul Mijong Dagul (Khidmat Pengurusan) dan Puan Emas Sanjongan Datu Okar (Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS).

PROGRAM INOVASI SEKTOR AWAM SABAH TAHUN 2023



Program Inovasi Sektor Awam Sabah Tahun 2023, seperti mana tahun-tahun sebelum ini, merupakan bukti komitmen kerajaan negeri dan persekutuan untuk menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda utama negeri dalam mentransformasikan sektor awam, khasnya, di Negeri Sabah. Justeru itu, adalah menjadi keutamaan kepada kita, untuk mempergiatkan usaha dalam menyemarakkan lagi budaya inovasi, memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih cepat, cekap dan berkesan.

KURSUS ANJURAN ASIAN DEVELOPMENT BANK






Sembilan orang pegawai kerajaan awam Negeri Sabah telah menyertai pelbagai latihan dan kursus anjuran pihak Asian Development Bank pada tahun 2023.

Empat latihan berkenaan adalah seperti berikut:

- Digital Skills for Green Tourism Enterprises : Training of Trainers (4-8 Disember 2023, Vietnam)
- Workshop on Fostering Coastal Resilience and the Blue Economy (13-17 November 2023, Kota Kinabalu, Sabah)
- Regional Training in Project Management (9-13 Oktober 2023, Thailand)
- Smart Tourism Ecosystem Executive Learning Program (29 Mei – 2 Jun 2023, Republic of Korea)

12 UNDANG-UNDANG (BAHARU DAN PINDAAN) TELAH DIGUBAL PADA TAHUN 2023





Sumber: Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah

Dua Belas (12) undang-undang baharu dan pindaan telah digubal dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri oleh Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah antaranya Enakmen Bekalan Gas 2023; Enakmen Biodiversiti Sabah (Pindaan) 2023; Enakmen Fatwa (Pindaan) 2023; Enakmen Hutan (Penubuhan Hutan Simpan dan Pindaan) (Pindaan) 2023; Enakmen Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (Pindaan) 2023; Enakmen Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2023; Enakmen Pentadbiran Luar Bandar (Pindaan) 2023; Enakmen Perlembagaan Negeri Sabah (Pindaan) 2023; Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023; Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pindaan) 2023; Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2023 dan Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) (Pindaan).

PROGRAM-PROGRAM MENINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN

3 KURSUS AMALAN BAIK PERATURAN (GRP)

10 LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN (FIZIKAL) DALAM DAN LUAR NEGARA

1,500 PENJAWAT AWAM NEGERI SABAH ELITE PERCIPIO



PEMBOLEH DAYA 4:

KECEMERLANGAN TADBIR URUS YANG BERINTEGRITI

KONVENSYEN INTEGRITI, TADBIR URUS DAN ANTIRASUAH (KITA) 2023



Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah 2023 (KITA 2023) dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah di Sabah International Convention Centre, Kota Kinabalu. Konvensyen ini diadakan pada 16 dan 17 Oktober 2023 ini bertujuan memperkasa kemahiran, memberi pendedahan melalui perkongsian ilmu pengetahuan, mewujudkan sinergi pelbagai agensi dalam pemantapan tindakan Governans, Integriti dan Antirasuah (GIA) serta memperluas jaringan profesional dengan pakar-pakar dalam bidang GIA bagi pegawai-pegawai yang menyertai Konvensyen ini.

MINGGU INTEGRITI KEMENTERIAN TAHUN 2023







Pada tahun 2023, Jabatan Ketua Menteri beserta semua Kementerian Negeri telah mengadakan minggu integriti kementerian masing-masing. Majlis Pelancaran Minggu Integriti Jabatan Ketua Menteri telah diadakan di Dewan Bankuasi, Aras 4, Menara Kinabalu. Majlis Pelancaran Minggu Integriti Jabatan Ketua Menteri telah disempurnakan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, JP.

MINGGU INTEGRITI KEMENTERIAN TAHUN 2023

















OPERASI BERSEPADU MEMOTONG SAMBUNGAN HARAM TANPA METER DI PAIP ALIRAN AIR MILIK JABATAN AIR NEGERI SABAH




Sepanjang tahun 2023, Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) telah menjalankan Operasi Bersepadu Pemotongan Sambungan Haram tanpa meter. Kegiatan penyambungan haram di antaranya yang melibatkan kawasan setinggan menyebabkan berlakunya masalah kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW). Melalui operasi yang diadakan, diantaranya yang dijalankan di Kawasan Suang Parai, JANS telah berjaya memotong 34 sambungan paip haram dan turut merampas 12 unit pam air yang digunakan untuk menambah kadar aliran air ke kawasan penempatan setinggan yang berhampiran.



PEMBOLEH DAYA 5:

KERAJAAN DIGITAL BERTERASKAN TEKNOLOGI DAN INOVASI

JUMLAH APLIKASI BARU (TELAH DIBANGUNKAN)



SABAH SUPER APP



Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2023 telah melancarkan satu aplikasi iaitu Sabah SuperApp. Sabah SuperApp merupakan inovasi yang direka khas sebagai penyelesaian bersepadu yang akan mengintegrasikan pelbagai perkhidmatan Kerajaan, menyatukan aspek kehidupan harian, memudahkan dan meningkatkan kaedah interaksi masyarakat dengan persekitaran meliputi masyarakat tempatan, pelancong dan golongan peniaga di Sabah. Salah satu aplikasi dalam Sabah SuperApp ini adalah SabahTAMU yang telah dibangunkan khas untuk golongan peniaga tempatan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka.“SabahTAMU menggiatkan semula pasaran tempatan dengan membawanya ke era digital, memperkukuh ekonomi negeri dan memperkasakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan

YONO SUPER APP




Perbadanan Pinjaman Sabah (PPS) pada tahun 2023 telah melancarkan satu aplikasi hak milik kerajaan negeri, YONO iaitu aplikasi yang direvolusikan untuk memudahkan urusniaga kewangan dengan kelulusan segera. YONO adalah singkatan bagi "*You Only Need One*" . Aplikasi ini direka secara terperinci untuk memenuhi keperluan kewangan setiap penduduk Sabah secara pantas dan mudah. YONO juga membantu pengguna mendapatkan akses kepada platform kemudahan kewangan yang ekslusif, mudah, pantas, dan selamat.

INSAN INTERGRATED TRAINING SYSTEM



Sistem INSAN IT's adalah sebuah system Latihan yang berfokus kepada perkhidmatan awam bagi memudahkan proses permohonan kursus, kelulusan HOD, mengenal pasti data penjawat awam yang memohon kursus berdasarkan SM2 serta memendekkan tempoh masa permohonan kursus anjuran INSAN bagi gred 40 dan ke bawah.

SISTEM E-TICKETING DI PUSAT SEJADI TAMAN HIDUPAN LIAR LOK KAWI





Sistem E-Ticket

Sistem e-ticket ini telah dibangunkan sepenuhnya dan telah digunakan di tiga pusat sejadi kendalian Jabatan Hidupan Liar Sabah iaitu Taman Hidupan Liar Lok Kawi, Sepilok dan Gua Gomantong secara off line. Walau bagaimanapun tindakan kelulusan oleh pihak MoF yang baru saja diperolehi hujung tahun 2023 untuk menggunakan payment gateway Pay Net sebagai platform bagi Online payment. Pihak vendor kini masih lagi berurusan dengan pihak Alliance Bank bagi menguji transaction payment menerusi sistem ini. Sekiranya ini berjaya dan tiada masalah, Online payment bagi e-Ticket boleh dimulakan.

Sumber: Jabatan Hidupan Liar,2023

SISTEM E-KARIAH DAN E-MASJID





Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) memperkenalkan sistem e-Kariah dan e-Masjid yang diperkenalkan mampu membantu memperkasakan pendigitalan urustadbir masjid di Negeri Sabah.

SISTEM EJPKK



Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah memperkenalkan sistem eJPKK yang dibangunkan dan digunapakai sepenuhnya bagi memudahkan pengurusan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) disemua kawasan di negeri Sabah.

APLIKASI E-SMART



Aplikasi khas berasaskan teknologi ‘remote sensing’ e-SMART diperkenalkan bagi membantu nelayan pesisir pantai di negeri ini yang berupaya membantu mengenalpasti potensi lokasi ikan di perairan Sabah. Setakat ini seramai 120 nelayan dari seluruh negeri sudah dilatih untuk menggunakan aplikasi itu menerusi inisiatif Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN) dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

SISTEM KEBAJIKAN HAIWAN



Sistem Kebajikan Haiwan diperkenalkan Jabatan Perkhidmatan Negeri Sabah bagi memudahkan penduduk Sabah melaporkan kekejaman haiwan melalui https://welfare.davetsa.sabah.gov.my/ yang sistemnya dibangunkan oleh Digital Heritage Sdn. Bhd. Siasatan lanjut akan dijalankan oleh Jabatan Veterinar Sabah.

ELEKTRONIK KOMUNITI USAHAWAN NELAYAN (E-KAN)

Sistem e-KAN merupakan platform pemasaran dalam talian yang telah dibangunkan dan mempunyai 70 buah kedai pengusaha dan memasarkan sebanyak 188 produk hiliran perikanan. Usaha untuk memberi latihan pasaran digital diteruskan untuk meningkatkan pemasaran produk melalui sistem ini. Pada tahun 2023, seramai 115 orang peserta telah dilatih bagi Tahap 1 (Start-Up modules), Tahap 2 (Boost-Up modules) dan Tahap 3 (Step-Up modules). Sales Tracking Report telah merekodkan jumlah jualan peserta mencapai RM 2.0 juta.

Sumber :Ko-Nelayan, 2023

E-COMMERCE WEB JABATAN CETAK KERAJAAN



E-Commerce Web Jabatan Cetak Kerajaan diperkenalkan Jabatan Cetak Kerajaan Sabah bagi memudahkan penduduk Sabah membeli buku terbitan Jabatan Cetak Kerajaan .

LAMAN WEB BARU JHEAINS 2023



Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah memperkenalkan laman web baru. Laman web JHEAINS yang baru ini mempunyai beberapa ciri-ciri yang menarik, antaranya adalah:

- Reka bentuk yang lebih segar, moden dan kreatif yang mencerminkan identiti dan imej JHEAINS sebagai agensi kerajaan yang dinamik, progresif dan inovatif.
- Penyusunan dan pengkategorian maklumat yang lebih sistematik, mudah dicari dan perkhidmatan, program, inovasi dan sebagainya.
- Penggunaan bahasa yang lebih mudah, ringkas, jelas dan mesra pengguna yang sesuai dengan pelbagai lapisan masyarakat dan mengambil kira kepelbagaian budaya, bahasa dan agama di Malaysia.

LAMAN WEB BARU
AIR QUALITY MONITORING IN SCHOOLS (AQUAMS)



Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah dan UNICEF Malaysia memperkenalkan laman web baru Air Quality Monitoring In Schools (AQUAMS). Laman web ini diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang isu pencemaran udara khususnya kepada penduduk negeri Sabah.

SIMPOSIUM TANDATANGAN DIGITAL MCMC 2023 PERINGKAT NEGERI SABAH



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menganjurkan Simposium Tandatangan Digital MCMC 2023 peringkat negeri Sabah sebagai sebahagian daripada usaha untuk persiapan penerimaan dan pengintegrasian penggunaan tandatangan digital (TTD) dalam sektor awam di negeri Sabah. Tujuan simposium ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan mempromosikan penggunaan tandatangan digital dalam kalangan agensi kerajaan, sektor korporat, dan pengguna individu di Sabah, sejajar dengan aspirasi MyDigital untuk menggalakkan penggunaan sepenuhnya tandatangan digital dalam sektor awam menjelang 2025. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (Pembangunan), Datuk Dr. Ahemad Sade, telah dijemput merasmikan simposium itu, Di dalan ucapan perasmiannya, beliau menekankan pentingnya pemahaman yang mendalam terhadap konsep teknologi digital di kalangan penjawat awam negeri, dan menggalakkan mereka untuk mengemukakan pertanyaan dan kebimbangan dalam simposium tersebut. Encik Shamsul Izhan Abdul Majid, Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), turut hadir dalam simposium ini.

SEMINAR ICT SEKTOR AWAM NEGERI TAHUN 2023



Seminar ini bertujuan bagi memberi kesedaran kepada para peserta mengenai dengan kepentingan mengoptimumkan perkembangan teknologi ICT yang pesat bagi membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan menjayakan inisiatif kerajaan memaju ekonomi digital negara; Mengembangkan budaya pembelajaran berterusan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif terhadap penggunaan ICT dan inovasi digital yang diperkenalkan dan; Menyediakan medan pertemuan kepada penjawat awam di peringkat daerah/wilayah untuk perbincangan dan mewujudkan kerjasama strategik sesama agensi dalam aspek peningkatan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Digital.

BAHAGIAN 3

RANTAIAN KE HADAPAN

BELANJAWAN TAHUN 2024



BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2024

Belanjawan 2024 yang bertemakan "Sabah Teguh Rakyat Terbela" telah dibentang oleh YAB Datuk Seri Panglima Masidi Manjun – Menteri Kewangan Sabah pada 24 November 2023 yang lalu. Fokus utama Belanjawan 2023 adalah untuk membela kesejahteraan hidup rakyat melalui pelaksanaan program pembangunan yang berterusan



STRATEGI BELANJAWAN 2024

Belanjawan 2024 disediakan untuk mencapai matlamat strategi strategi perbelanjaan di atas



ANGGARAN PERBELANJAAN & HASIL NEGERI

Kerajaan Sabah membentangkan belanjawan negeri berjumlah RM5.701 bilion untuk tahun 2024, berbanding anggaran hasil negeri yang disasar mencapai RM5.737 bilion



BELANJAWAN LEBIHAN

Belanjawan 2024 merupakan satu Belanjawan Lebihan (Surplus Budget) sebanyak RM35.87 juta



ANGGARAN HASIL NEGERI TAHUN 2024

Anggaran hasil bagi tahun 2024 diunjurkan sebanyak RM5.737 billion iaitu terbagi kepada Hasil cukai RM2.636 billion, Hasil bukan cukai RM2.372 billion dan Terimaan bukan Hasil RM729.10 juta.



ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN TAHUN 2024

Anggaran perbelanjaan bagi tahun 2024 diunjurkan sebanyak RM5.701 billion iaitu terbagi kepada pebelanjaan mengurus RM 4.751 billion dan Caruman kepada kumpulan wang pembangunan RM950 juta.



ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN TAHUN 2024

Peruntukan bagi Anggaran Perbelanjaan Perbekalan meningkat sebanyak RM563.37 juta atau 10.96 peratus pada tahun 2024 berbanding anggaran asal tahun 2023 iaitu sebanyak RM5.138 bilion yang bertujuan untuk menampung Perbelanjaan Emolumen, Perbelanjaan Berulang dan Perbelanjaan Khas.



PERBELANJAAN EMOLUMEN

Sebanyak RM808.06 juta dicadangkan untuk Perbelanjaan Emolumen dan jumlah ini mencatatkan kenaikan sebanyak RM15.78 juta atau 2 peratus berbanding peruntukan tahun lalu.



PERBELANJAAAN BERULANG

Perbelanjaan Berulang dicadangkan sebanyak RM2.203 bilion ataupun 38.64 peratus iaitu kenaikan sebanyak RM176.32 juta atau 8.7 peratus berbanding peruntukan asal tahun 2023



PERBELANJAAN KHAS

Perbelanjaan Khas dicadangkan sebanyak RM1.74 bilion atau 30.52 peratus, mencatatkan kenaikan sebanyak RM161.26 juta atau 10.62 peratus lebih tinggi daripada peruntukan asal tahun 2023



ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2024

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2024 adalah sebanyak RM1.328 bilion diperuntukkan pada untuk Perbelanjaan Pembangunan. Jumlah ini merangkumi sebanyak RM847.23 juta melalui peruntukan negeri dan RM480.46 juta melalui Pinjaman Persekutuan dan Bayaran Balik Persekutuan (Federal Reimburseables).
gihan peruntukan pembangunan mengikut sektor adalah seperti yang berikut:

Sektor Ekonomi : RM555.60 juta atau 65.58 peratus
Sektor Sosial : RM272.99 juta atau 32.22 peratus
Sektor Pentadbiran Am : RM18.64 juta atau 2.2 peratus



SEKTOR UTAMA FOKUS PERTUMBUHAN EKONOMI

Peruntukan sebanyak RM813.56 juta untuk menyokong pembangunan tiga sektor pertumbuhan utama iaitu pertanian, perindustrian dan pelancongan bagi menyokong pembangunan ketiga-tiga sektor tersebut



KEMENTERIAN KEWANGAN

RM2.48 bilion perbekalan
RM5 juta pembangunan



KEMENTERIAN KERJA RAYA

RM 1.03 Billion Perbekalan
RM 689.66 Juta Pembangunan



JABATAN KETUA MENTERI

RM 712.64 Juta Perbekalan
RM 177.83 Juta Pembangunan



KEMENTERIAN PERTANIAN PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN

RM 363.91 Juta Perbekalan
RM 189.16 Juta Pembangunan



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LIAR BANDAR SABAH

RM 82.67 Juta Perbekalan
RM144.50 Juta Pembangunan



KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

RM 184.71 Juta Perbekalan
Rm25.32 Juta Pembangunan



KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI

RM180.13 Juta perbekalan
RM 9.15 Juta pembangunan



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

RM148.82 Juta Perbekalan
RM16.54 Pembangunan



KEMENTERIAN PELANCONGAN KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR

RM 120.87 Juta Perbekalan
RM21.04 Juta Pembangunan



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN SABAH

RM88.67 Juta Perbekalan
RM 11.50 Juta Pembangunan



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN

RM 26.11 Juta Perbekalan
RM 38.00 Juta Pembangunan



PERBELANJAAN YANG TIDAK TERMASUK DALAM KEMENTERIAN & PERBELANJAAN TANGGUNGAN

RM43.33 Juta Perbekalan
RM 238.24 Perbelanjaan Tanggungan

BAHAGIAN 4

PENEROKAAN POTENSI EKONOMI BAHARU

EKONOMI BIRU

Cadangan untuk Negeri Sabah menerokai khazanah Baharu melalui konsep Ekonomi Biru adalah selari dengan Sustainable Development Goal (SDG), World Bank dan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).

The United Nation buat pertama kalinya memperkenalkan konsep Ekonomi Biru pada tahun 2012. Penekanan diberikan kepada pengurusan mampan sumber laut dan pesisir pantai. Berdasarkan kepada dapatan kajian, pengurusan yang mampan akan menjadikan ekosistem marin yang sihat dan akan lebih produktif.

Pemimpin ASEAN yang bersidang di Brunei Darussalam pada tahun 2021 telah bersetuju untuk memperkenalkan Ekonomi Biru. Deklarasi ini menyatakan bahawa “The Need for Sustainable, Resilient, Inclusive Use and Management and Conservation of The Ocean, Sea, Marine Life as well as Coastal Ecosystem for Economic Growth”.

Organization for Economic Co-operation and Development (OECD) meletakkan bahawa lautan merupakan ‘Next Great Economic Frontier’ yang tidak wujud 20 tahun yang lalu seperti “Blue Carbon Sequestration, Marine Energy Land Biotechnology”.

LATAR BELAKANG DAN POTENSI EKONOMI SABAH DALAM EKONOMI BIRU

Negeri Sabah memiliki laut dengan keluasan iaitu 154,100 kilometer persegi atau bersamaan dengan 15,410,000 hektar. Daripada jumlah tersebut setakat ini hanya dalam sekitar 37,300 kilometer persegi atau bersamaan 3,700,000 hektar yang ditadbir dan diterokai meliputi perikanan; perkapalan; pelancongan; aktiviti minyak dan gas dan juga penyelidikan.

Jumlah kepanjangan keseluruhan garisan sungai di Sabah adalah 122,987.24 kilometer, yang juga berpotensi untuk dijadikan sebagai sebahagian daripada ekosistem yang merupakan sumber Ekonomi Biru.

Keluasan daratan Sabah hanya 73,620 Kilometer Persegi atau bersamaan dengan 7,362,000 hektar berbanding dengan jumlah keluasan lautan 154,100 Kilometer persegi atau 15,410,000 hektar. Ini bermakna lautan Negeri Sabah adalah (2) dua kali lebih luas daripada daratan.

Selaras dengan peraturan yang digunapakai dibawah United Nation Convention on the Law of the Sea 1982, Kerajaan Negeri Sabah boleh menerokai kawasan Exclusive Economic Zones (EEZs) yang dianggarkan seluas 116,800 kilometer persegi atau 11,680,000 hektar mengikut piawaian antarabangsa.

Kawasan yang boleh diterokai ialah luas Kawasan pelantar benua (Continential Shelf) di luar EEZs iaitu 350 batu nautika, luas kawasan pelantar benua di dalam EEZs iaitu 200 batu nautika, dan perairan wilayah (Territorial Water) iaitu 12 batu nautika.

Komponen dalam Ekonomi Biru daripada sumber laut boleh mewujudkan industri hiliran yang memberikan nilai tambah dan nilai ekonomi. Antaranya, industri makanan berasaskan laut, industri Farmaseutikal, dan tenaga boleh diperbaharui. Industri hiliran ini berpotensi untuk menjana peluang pekerjaan separa mahir dan pekerjaan berteknologi tinggi.

Manakala, di Sungai sektor yang berpotensi untuk diteroka dan dipertingkatkan seperti konsep Tagal dalam melestarikan hidupan dalam Sungai (ikan), community based tourism, dan tenaga boleh diperbaharui

KOMPONEN DALAM EKONOMI BIRU DI NEGERI SABAH

Aktiviti Ekonomi Biru yang boleh diterokai adalah seperti yang digariskan oleh World Bank Group dibawah Programme Ocean 2030 – Financing The Blue Economy For Sustainable Development seperti berikut:

JENIS – JENIS AKTIVITI	PERKHIDMATAN LAUT	INDUSTRI	PEMACU PERTUMBUHAN
(1) Penuaian Sumber Hidup	Makanan Laut	Akuakultur	Sekuriti Makanan
	Bioteknologi Marin	Perikanan	Permintaan untuk Sumber Protein
		Farmaseutikal, Kimia	Penyelidikan dan Pembangunan untuk Kesihatan dan Industri
(2) Pengekstrakan Sumber Bukan Hidup dan Penghasilan Sumber-sumber Baharu	Mineral	Perlombongan Dasar Laut	Permintaan untuk Sumber Mineral
	Tenaga	Minyak And Gas, Tenaga Boleh Diperbaharui	Permintaan untuk Sumber Tenaga Alternatif
	Air Tawar	Penyulingan Air Laut	Permintaan Air Tawar

KOMPONEN DALAM EKONOMI BIRU DI NEGERI SABAH

Aktiviti Ekonomi Biru yang boleh diterokai adalah seperti yang digariskan oleh World Bank Group di bawah Programme Ocean 2030 – Financing The Blue Economy For Sustainable Development seperti berikut:

JENIS – JENIS AKTIVITI	PERKHIDMATAN LAUT	INDUSTRI	PEMACU PERTUMBUHAN
(3) Komersial dan Perdagangan di Sekitar Lautan	Pengangkutan dan Perdagangan	Perkapalan	Pertumbuhan Perdagangan Laut; Peraturan Antarabangsa
		Infrastruktur Pelabuhan dan Perkhidmatan	
	Pelancongan dan Rekreasi	Pelancongan	Pertumbuhan Pelancongan Global
		Pembangunan Kawasan pesisir Pantai	Perbandaran Pesisiran Pantai
			Peraturan dalam negeri
(4) Tindak Balas Terhadap Cabaran Kesihatan Laut	Pemantauan dan Pengawasan Lautan	Teknologi dan Penyelidikan dan Pembangunan	Penyelidikan dan Pembangunan dalam Teknologi Lautan
	Pengasingan Karbon	Karbon Biru	Pertumbuhan dalam Aktiviti Perlindungan dan Pemuliharaan Pantai dan Lautan
	Perlindungan Kawasan Pesisir	Perlindungan dan Pemulihan Habitat	
	Pengurusan Sisa	Asimilasi Nutrien dan Bahan Buangan	

BAHAGIAN 5

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN KHAS

KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI KERAJAAN NEGERI

JABATAN KETUA MENTERI

KEMENTERIAN PERTANIAN PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

KEMENTERIAN KERJA RAYA

KEMENTERIAN KEWANGAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN

PENGHARGAAN

DATUK HAJI (DATU) ROSMADI BIN DATU SULAI, JP
KETUA PEGAWAI PENYELARAS SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

RAMLEE BIN KARIAH
KETUA PEGAWAI OPERASI SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

ROSNIH BINTI OTHMAN
PENGARAH SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

KETUA PENOLONG PENGARAH
MOHD HISHAM BIN UJANG
ZULAIKHA BINTI JAMIR
SHEREEN SHAFIKA BINTI AHMAD

PENOLONG PENGARAH
MOHD IZZAT BIN AHMAD
NUR SHAMIMI KHALISAH BINTI JAMIL
NUR SYAHIRRA NATHASA BINTI STEPHEN
MOHD IZWAN IZZUDDIN BIN RAMLAN
OREYNIE ARLINA YEOP BINLI MD ARLING
MOHD FIKRI BIN MAHMUDA
MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH SALLEH

PENOLONG PEGAWAI TADBIR
AIMAN AKMAL BIN MOHAMAD @ MUHAMMAD

PEGAWAI INTERIM HI-TALENT
ALORENSO SAMPALADON
IZAMRI BIN ROSMAN
BECKY BERTHILDA YUSAK
NA'IMAH BINTI AHMAD
NURUL ADILAH BINTI AHMAD RASYID
SANDRA ANN JERRY
CHELSIE FEELEY BACHEE
MOHD FIRDAUS BIN SARIMAN

TALENT ATTACHMENT PROGRAMME
AG MOHD HAZMAN BIN HASSAN
MOHD AIZAT BIN AZLAN
NOOR AIMAN DIYANA BINTI ZULKARNA'IN

KAKITANGAN SOKONGAN
EFFA NUR SYAFIQAH BINTI MAHOULY
EVY CHARLYN MASIUL
MUHAMMAD AFIQ BIN AWANG MUHAIDIN
SITI SHAERA BINTI SALLEH
AZLAN BIN ASNIN
ROSELY BIN MADIUN

REKA BENTUK BUKU
AG MOHD HAZMAN BIN HASSAN

HALA TUJU • SABAH MAJU JAYA

SABAH MAJU JAYA

MOHON IMBAS KOD QR BERIKUT UNTUK DAPATKAN SALINAN

HUBUNGI KAMI:

Sekretariat Sabah Maju Jaya,
Jabatan Ketua Menteri,
Aras 15, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan PPNS, Teluk Likas,
88400 Kota Kinabalu, Sabah,
MALAYSIA.

smj.sabah.gov.my

sabahmajujaya@sabah.gov.my

@sekretariatsmj